

LATIHAN 1

2. FONETIK DAN FONOLOGI BAHASA MELAYU

A. KAJIAN FONETIK DAN ALAT ARTIKULASI

1. Yang manakah padanan keterangan yang betul tentang artikulator dan titik artikulasi?

	<i>Artikulator</i>	<i>Titik artikulasi</i>
I	Alat pertuturan yang menyekat laluan udara	Merupakan ruang laluan udara
II	Alat pertuturan yang boleh digerakkan	Tempat berlakunya sekatan udara
III	Artikulator yang paling aktif ialah hujung lidah	Antara contohnya ialah gusi
IV	Berfungsi menentukan bunyi bersuara dan bunyi tak bersuara	Alat pertuturan yang statik

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(2015/U2014:9)

2. Yang manakah kumpulan bunyi yang terhasil apabila bibir bawah menjadi artikulator? A [p], [t], [v] C [m], [p], [s]
B [b], [f], [m] D [w], [n], [v]

(2015/U2014:14)

3. Yang manakah pernyataan yang benar tentang kajian fonetik? I Menentukan lambang bagi bunyi bahasa
II Menentukan sistem ejaan bagi sesuatu bahasa
III Mengenal pasti fungsi bunyi dalam sesuatu bahasa
IV Mengkaji bunyi bahasa yang dihasilkan oleh alat pertuturan manusia

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(2016/U2015:9)

4. Yang manakah pasangan perkataan yang kedua-duanya mengandungi gabungan dua huruf yang diwakili oleh satu lambang fonetik?

- A Hanyut, ragut
B Senyap, perang
C Akhir, tergugat
D Ternyata, berganti

(2016/U2015:14)